



(6)

**MAJLIS BANDARAYA IPOH**  
**ARAHAN KEWANGAN BIL. 6/2012**

Fail Kami: Bil.(14)dlm.MBI.B1/12/1/11

Jabatan Kewangan  
Majlis Bandaraya Ipoh

2 April 2012

- ) Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh.

**PENYEDIAAN PERJANJIAN BAGI BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Kewangan akan melaksanakan penyediaan dokumen perjanjian melalui sistem SPBT Mbi-Online mulai 16 April 2012, di mana dokumen perjanjian bagi pembelian bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM10,000.00 akan dikemukakan kepada pembekal secara e-mel.
- ) 3. Pihak Jabatan Kewangan akan mencetak Pesanan Pembelian setelah menerima Permohonan Pembelian dari Jabatan yang memohon dan seterusnya menghantar e-mel bersama dokumen perjanjian yang dimuatnaik kepada pembekal yang berkaitan. Pihak pembekal yang menerima e-mel dikehendaki memuat turun dan mencetak perjanjian tersebut dalam 2 salinan, melengkapkan ruangan tandatangan dan mengemukakan semula 2 salinan perjanjian tersebut untuk dilengkapkan dan disetemkan oleh pihak Jabatan Kewangan.

4. Sehubungan dengan itu, semua Jabatan hendaklah memastikan **Pesanan Pembelian** yang melibatkan pembelian tersebut **dikembalikan ke Unit Pembayaran, Jabatan Kewangan bersama-sama dengan perjanjian yang telah dilengkapkan oleh pihak pembekal untuk tindakan selanjutnya.**
5. Kerjasama dan perhatian dari pihak tuan/puan adalah diharapkan untuk memastikan perkara tersebut dipatuhi supaya pembayaran dapat dilakukan setelah bekalan diterima dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“INOVASI MEREALISASIKAN TRANSFORMASI”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(HJH SAIDATUL AKMA BT. JAMALUDIN)**  
Timbalan Setiausaha Bandaraya (Pengurusan).